

Sokongan Melayu mula beralih arah

Umno, BN perlu ubah pendekatan kembalikan kepercayaan rakyat

Analisis

Oleh Mohd Ayop Abd Razid

PILIHAN Raya Umum Ke-12 sudah melakarkan sejarah tersendiri. Beberapa kejutan di luar jangkaan berlaku. Bagi Barisan Nasional (BN), khususnya Umno, keputusan itu amat memeritkan mereka.

Amat jelas sekali pilihan raya umum kali ini memberi mesej kepada kerajaan BN dan Umno bahawa kedudukan mereka sudah mula dicabar oleh rakyat. Justeru, perkembangan yang memeranjatkan ini harus dikaji dan dianalisis secara telus serta jujur.

BN dan Umno tidak harus melihat perkembangan ini semata-mata atas faktor 'trend sementara' pengundi dengan mengandaikan pengundi bermain emosi berikutan termakan umpan pembangkang. Jika ini yang difikirkan, maka tidak mustahil prestasi BN-Umno akan terus merosot.

Dalam keadaan prestasi BN dan Umno yang menurun secara drastik dan hanya berjaya memperoleh majoriti mudah di Parlimen, maka pemimpin Umno dan BN janganlah terus mengeluarkan kata-kata yang memperlekehkan rakyat kerana padahnya besar buat BN dan Umno.

Pemikiran rakyat sudah banyak berubah dan ini menuntut Umno-BN mengubah pendekatan dan strategi bagi mengekalkan kepercayaan rakyat terhadapnya.

Amat ironis sekali, ketika mana BN memberikan tumpuan penuh kepada Kelantan dan Terengganu, Umno menyaksikan kejatuhan empat negeri yang berada di bawah penguasaannya iaitu Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Selangor ke tangan pembangkang.

Wilayah Persekutuan juga turut jatuh ke tangan pembangkang. Kelantan terus kekal di bawah penguasaan Pas dengan mendapat sokongan lebih besar daripada rakyat. Walaupun gagal di Terengganu tetapi Pas mula memperkukuh kembali kedudukan dengan memenangi beberapa kerusi Dewan Unda-

ngan Negeri (DUN) serta menambahkan jumlah undi bagi setiap calonnya yang bertanding.

Di samping kemampuan pembangkang mengekalkan penguasaannya di Kelantan dan menguasai empat negeri dan Wilayah Persekutuan, masih banyak lagi kejutan berlaku pada pilihan raya umum kali ini.

BN kehilangan banyak kerusi Parlimen sehingga pembangkang berjaya menafikan majoriti dua pertiga untuk BN. Empat menteri kanan dan sepuluh timbalan menteri turut kecundang. Kerusi Parlimen dan DUN yang diraih MCA jauh merosot berbanding pilihan raya umum lalu.

Ada beberapa pola atau aliran pengundi dalam pilihan raya kali ini. Di kawasan majoriti cina, khususnya di bandar besar, pengundi Cina secara tradisinya memang berpihak kepada DAP.

Perubahan berlaku apabila di kebanyakan kerusi Parlimen yang dulunya dikuasai MCA, sudah dirampas DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Di Pulau Pinang, DAP menyapu bersih semua kerusi Parlimen dan PKR turut memperoleh kemenangan besar di Pulau Mutiara.

Sementara itu, pola pengundi Melayu nampakkan kecenderungan kepada Pas, khususnya di Kelantan dan Kedah. Begitu juga perubahan berlaku di kalangan orang Melayu bandar apabila mereka mula memihak kepada calon pembangkang, khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Adalah jelas Umno menerima tamparan hebat apabila negeri yang dikuasai mereka jatuh ke tangan pembangkang. Siapa sangka Kedah, Perak dan Selangor yang nampaknya selamat di bawah payung BN-Umno, tumbang di tangan pembangkang. Ia sesuatu yang perit buat Umno dan BN.

Ramai calon Umno di negeri yang ditawan pembangkang mengalami kekalahan. Ini menggambarkan 'trend' penolakan orang Melayu terhadap parti yang dianggap keramat ini ke tangan Pas dan PKR.

Memang Umno masih selamat di Perlis, Terengganu, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor tetapi dengan peningkatan

undi untuk calon Pas, maka Umno tidak sepatutnya berasa selesa dan perlu mengatur strategi bagi memenangi semula hati orang Melayu.

Di kawasan campuran pula pengundi sebagai kaum lebih berpihak kepada PKR, DAP atau Pas. Masyarakat Cina dan India tidak lagi keberatan untuk memberikan undi kepada Pas, khususnya di kawasan di mana kedua-dua kaum itu bukan majoriti dan tidak ada calon DAP.

Trend ini jelas menggambarkan bahawa semacam ada tekad pengundi dalam pilihan raya umum kali ini untuk menjatuhkan kerajaan BN.

Sabah dan Sarawak dilihat telah menyelamatkan BN dengan memenangi hampir kesemua kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Seandainya pengaruh pembangkang kuat di Sabah dan Sarawak, sudah pasti BN menghadapi situasi yang sangat genting.

Pengundi India nampaknya turut membuat perubahan dengan memberikan undi kepada pembangkang seperti yang berlaku di Sungai Petani, Sungai Siput, Ijok dan beberapa kawasan lain di Parlimen mahupun DUN.

Apakah Hindraf sudah berjaya mempengaruhi kalangan pengundi India adalah satu kemungkinan yang patut diteliti. Kemungkinan ini memang ada kerana ada beberapa calon India yang boleh dianggap proksi Hindraf bertanding atas tiket DAP dan PKR, berjaya meraih kemenangan besar.

Apa pun BN harus mengkaji semua kemungkinan ini. Di Perak, orang Melayu mula rasa tersepit apabila DAP menguasai lebih banyak kerusi DUN berbanding Pas. Ini boleh menimbulkan dilema kepada orang Melayu.

Umno di Perak harus dapat menyatukan kembali orang Melayu supaya kedudukan mereka menjadi lebih mantap. Begitu juga dengan MCA harus mengembalikan kepercayaan orang Cina perak kepada mereka.

Penguasaan DAP di Pulau Pinang pastinya akan menghimpit terus kuasa dan pengaruh politik orang Melayu. Begitu juga

dengan kehidupan sosioekonomi Melayu di Pulau Pinang yang dilihat masih terkebelakang. Masalah sosial generasi muda Melayu Pulau Pinang semakin teruk berikutan tekanan sosioekonomi mereka yang mundur.

Bolehkah pemerintahan DAP berlaku adil kepada orang Melayu di Pulau Pinang adalah sesuatu yang dinantikan. Adakah manifesto mereka yang diuar-uarkan untuk semua kaum akan dapat membela nasib orang Melayu di sana. Yang nyata, Umno akan terus tersepit di Pulau Mutiara itu.

Sukar untuk mencari punca mengapa Cina Pulau Pinang sanggup memilih DAP sedangkan parti Gerakan (komponen BN) yang sudah lama memerintah Pulau Pinang berjaya memberi manfaat besar kepada masyarakat Cina di situ.

Semua ini harus dinilai secara jujur dan telus. Penulis lebih cenderung melihat bahawa BN dengan tunjangnya Umno adalah satu-satunya barisan dan pakatan politik yang benar-benar mewakili wajah perpaduan Malaysia daripada 'pakatan politik pilihan raya' pembangkang.

Dalam konteks masyarakat majmuk pakatan politik boleh menjadi ancaman kepada keselamatan dan perpaduan negara kerana gabungan parti pembangkang yang tidak dibuat atas dasar semangat toleransi dan kepentingan negara boleh bertukar menjadi pertelingkahan politik yang membinasakan negara.

Rakyat pula harus kembali menilai semua perkembangan ini. Apakah mereka sudah benar-benar membuat satu perubahan yang sihat atau sebaliknya.

Umno dan BN perlu memandang serius perkembangan ini. Satu kajian dan analisis yang jujur, telus dan terperinci diperlukan. Rakyat tidak mahu kepalsuan dan kepurupuraan di kalangan BN dan Umno semata-mata atas dasar menjaga kepentingan peribadi kerana ini akan membawa kepada kehancuran BN dan Umno.

Ingat sekali 'tsunami rakyat' melanda, maka ia tidak boleh disekat dan dihalang seperti yang berlaku pada Pilihan Raya Umum Ke-12 ini